

# Lima dana diluluskan di bawah ACMF

Oleh **ZUNAIDAH ZAINON**

ekonomi@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 3 MAC**

**L**IMA dana Skim Pelaburan Kolektif telah diluluskan di bawah Mesyuarat Forum Pasaran Modal ASEAN (ACMF) ke-22 sekali gus membolehkan ia ditawarkan kepada pelabur runcit di Malaysia, Singapura dan Thailand.

Dua daripada dana itu diluluskan Suruhanjaya Sekuriti (SC) Malaysia, tiga oleh Pihak Berkuasa Monetari Singapura (MAS) manakala satu lagi masih lagi dalam proses kelulusan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Thailand (SEC).

Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), Datuk Ranjit Ajit Singh berkata, kelulusan dana itu bukan sahaja membuka peluang tanpa sempadan kepada pelabur-pelabur antara tiga negara tersebut tetapi merupakan platform tepat ke arah mewujudkan Pasport Dana ASEAN pada masa hadapan.

“Bagaimanapun, kita tidak mempunyai sasaran tertentu mengenai saiz dana yang ditawarkan ini. Ia adalah gabungan antara pelbagai dana termasuk ekuiti,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara SC, MAS, SEC dan Singapore Exchange



**(DARI kiri) Tipsuda Thavaramara, Ranjit Ajit Singh, Lee Boon Ngiap dan Magnus Bocker bersalaman selepas menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di Kuala Lumpur, semalam.**

Ltd (SGX) bagi mewujudkan Rangka Kerja Semakan Seragam untuk Prospektus ASEAN sempena Mesyuarat ACMF ke-22 di sini hari ini.

Yang turut hadir, Penolong Pengerah Urusan (Pasaran Modal) MAS, Lee Boon Ngiap; Timbalan Ketua Setiausaha SEC, Tipsuda Thavaramara dan Ketua Pegawai Eksekutif SGX, Magnus Bocker serta wakil-wakil badan serantau.

Malaysia, Singapura dan Thailand merupakan negara ASEAN pertama yang menandatangani MoU berkenaan. Di bawah MoU tersebut, keempat-empat agensi terlibat bercadang untuk melaksanakan rang-

ka kerja berkenaan dengan buku panduan terbitan bersama menjelang suku ketiga 2015.

Mesyuarat itu turut meluluskan Pelan Tindakan lima tahun bermula 2016-2020 dengan tumpuan untuk memberi akses mudah kepada modal dan pelaburan dalam pasaran serantau.

Dalam pada itu, menurut Ranjit, negara-negara anggota yang meluluskan Program Pembangunan Pasaran Modal ASEAN bagi memudahkan pembangunan pasaran modal tempatan adalah platform penting untuk menarik negara anggota lain di rantau ini menyertai ACMF.